



SIARAN MEDIA

KOMUNITI ANTARABANGSA SAMBUT BAIK USAHA MALAYSIA MEMBIDA JAWATAN PRESIDEN PERHIMPUNAN UN-HABITAT

PUTRAJAYA, 9 November 2024 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) berkata usaha Malaysia membida jawatan Presiden Perhimpunan UN-Habitat telah menerima maklum balas positif daripada komuniti antarabangsa.

Ini berikutan mesyuarat dua (2) hala dengan beberapa buah negara, termasuk China, Mesir, India, dan Emiriah Arab Bersatu semasa Forum Bandar Sedunia (WUF) ke-12 di Kaherah, Mesir.

"Dengan populasi yang pelbagai dan tahap pendapatan yang berbeza-beza, Malaysia sangat bersedia untuk mewakili suara semua komuniti," katanya.

"Ketika Malaysia mengambil alih Kepengerusian ASEAN, kita bercita-cita untuk menjadi model peranan serantau di kawasan ASEAN terutamanya dalam perumahan mampu milik, melalui konsep 4P (Perkongsian Rakyat, Awam dan Swasta)."

"Walaupun kita berjaya menarik pelaburan langsung asing dan memupuk pasaran perumahan yang berkembang, Malaysia tetap komited untuk memenuhi keperluan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana dengan memastikan akses kepada perumahan mampu milik," katanya.

Jemputan turut diberikan kepada negara-negara ini untuk menghadiri Persidangan Menteri Asia-Pasifik ke-7 mengenai Perumahan dan Pembangunan Bandar (APMCHUD) pada 14 dan 15 April 2025 di George Town, Pulau Pinang.

YB KM berkata Akta Pembaharuan Bandar yang diwujudkan akan menjadikan kejayaan pembaharuan bandar George Town sebagai rujukan dalam mengawal kadar pembangunan semula bandar.

Semasa mesyuarat dua (2) hala, YB KM menekankan hasrat Malaysia untuk menggalakkan kerjasama dengan komuniti antarabangsa bagi mempercepat pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Ini termasuk memperkukuhkan pembangunan bandar pintar melalui pertukaran idea dan perkongsian pengalaman dengan pemimpin global.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertiwi

#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

